



SIARAN MEDIA

LALUAN ALTERNATIF BAKAL MELEGAKAN KEKHUATIRAN PARA PEMANDU SEMASA PEMBINAAN MRT

Kuala Lumpur, 14 Ogos 2012: Satu siri laluan alternatif di beberapa bahagian pembinaan MRT yang dijangka akan mengakibatkan kesesakan lalulintas, telah dikenal pasti oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) dan Rakan Pembekal Projek (PDP), MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn. Bhd., bagi mengurangkan kesesakan trafik yang mungkin berlaku ke atas para pengguna jalan raya sepanjang tempoh pembinaan projek tersebut.

Satu taklimat media telah diadakan hari ini di Pusat Maklumat MRT Kota Damansara yang memberikan penjelasan terperinci serta maklumat mengenai kawasan-kawasan yang dijangka akan terjejas oleh kesesakan trafik semasa pembinaan dijalankan serta laluan-laluan alternatif.

Sehingga kini, sejumlah tiga belas laluan alternatif di lapan kawasan telah dikenal pasti sepanjang penjarangan 51km Sungai Buloh – Kajang (SBK) MRT, iaitu:

Dari/ Ke	Laluan Alternatif
Sungai Buloh – Kota Damansara	
Sungai Buloh (Jalan Kuala Selangor) ke Kota Damansara (Persiaran Surian)	Jalan Kuala Selangor – NKVE (Tol Sg Buloh) – NKVE (Tol Kota Damansara) – Persiaran Kenanga – Persiaran Surian
Kota Damansara – TTDI	
Kota Damansara (Persiaran Surian) ke TTDI (SPRINT Highway - Damansara Link)	Persiaran Surian – Persiaran Kenanga – NKVE (Plaza Tol Kota Damansara) – NKVE (Plaza Tol Damansara) – Lebuhraya SPRINT (Damansara Link)
Mutiara Damansara / Curve – Pusat Bandar Damansara	
Mutiara Damansara / Curve ke Pusat Bandar Damansara	Persiaran Surian – Jln PJU 7/1 – Jalan PJU 7/9 – SPRINT (Penchala Link) – SPRINT (Kerinci Link) – SPRINT (Damansara Link) – Pusat Bandar Damansara
TTDI – City	
Mutiara Damansara / Curve ke Bandar (Jalan Kuching)	Persiaran Surian – Jln PJU 7/1 – Jalan PJU 7/9 – SPRINT (Penchala Link) – Jalan Duta – Jalan Kuching
TTDI ke Bandar (Jalan Maharajalela)	SPRINT (Damansara Link) – SPRINT (Kerinci Link, Plaza Tol Kerinci) – Jalan Syed Putra – Jalan Maharajalela
TTDI ke Bandar (Jalan Duta)	SPRINT (Damansara Link) – SPRINT (Kerinci Link, arah Sri Hartamas) – Jalan Duta



Pusat Bandar (Jalan Duta – Jln Tun Razak)	
Jalan Duta (berhampiran Jalan Semantan) ke Jalan Tun Razak (berhampiran Kelab Golf Diraja Selangor)	Jalan Duta – Jalan Parlimen – Jalan Tun Perak – Jalan Raja Chulan – Jalan Bukit Bintang – Jalan Tun Razak
Jalan Tun Razak (berhampiran Kelab Golf Diraja Selangor) ke Jalan Duta (berhampiran Jln Semantan)	Jalan Tun Razak – Jalan Loke Yew – Jalan Syed Putra – Lebuhraya Mahameru – Jalan Duta
Bandar – Cheras	
Jalan Tun Razak (berhampiran Kelab Golf Diraja Selangor) ke Jalan Cheras	Jalan Tun Razak – Jalan Kg Pandan – Jalan Perkasa- MRRII – East West link – Jalan Cheras
Jalan Tun Razak (berhampiran Kelab Golf Diraja Selangor) ke Jalan Cheras	Jalan Tun Razak – KL Seremban Highway / SMART Tunnel – East West Link – Jalan Cheras
Cheras – Balakong / Sg Long	
Jalan Cheras ke Jalan Sg Long	Jalan Cheras – East West Link – MRR II – Besraya Expressway – SILK (The MINES) – Jalan Sg Long
Balakong / Sg Long – Kajang	
Balakong ke Jalan Reko (Kajang)	Lebuhraya Grand Saga – SILK (Plaza Tol Sg Balak) – SILK (Plaza Tol Sg Ramal) – Jalan Reko (Kajang)
Balakong ke Jalan Reko (Kajang)	Lebuhraya Grand Saga – Persiaran Saujana Impian – SILK (Plaza Tol Bkt Kajang) – Jalan Reko (Kajang)

Encik Amir Mahmood Razak, Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp berkata, "Tujuh daripada lapan pakej bertingkat telah dianugerahkan dan kerja-kerja pembinaan sedang berjalan sepenuhnya. Penjajaran MRT kini aktif dengan aktiviti-aktiviti pembinaan. Kesesakan lalu lintas tidak dapat dielakkan di beberapa lokasi di sepanjang penjajaran dalam beberapa bulan yang akan datang. Tugas kami adalah untuk memastikan gangguan berpotensi ini akan dikurangkan dengan mengenal pasti laluan alternatif bagi para pemandu kenderaan supaya mereka dapat mengelakkan kawasan kerja MRT dan sampai ke destinasi mereka dengan mudah".

"Laluan-laluan ini bertujuan untuk mengarahkan orang ramai dari kawasan pembinaan kami, dan tidak bertujuan untuk menjadi laluan yang lebih pendek bagi para pemandu kenderaan. Apa yang kami mahu lakukan adalah menawarkan alternatif kepada para pemandu. Adalah menjadi tanggungjawab kami juga untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai laluan terbaik untuk digunakan apabila mereka hendak berjalan, terutamanya pada waktu puncak pagi dan petang," tambah Encik Amir.



Orang ramai boleh melihat laluan alternatif yang dikenal pasti di www.mymrt.com.my, Pusat Maklumat MRT yang terletak di Kota Damansara, TTDI, KL Sentral, Kajang dan Bandar Tun Hussein Onn, Kiosk Maklumat MRT dan Trak Maklumat MRT. Orang ramai juga boleh menghubungi *hotline* MRT di 1 800 82 6868.

TAMAT

Latar belakang Projek MRT

MRT merupakan sistem pengangkutan rel baru untuk Lembah Klang. Ia adalah sebahagian daripada Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), di bawah Program Transformasi Ekonomi. Laluan Sungai Buloh - Kajang (SBK) adalah sepanjang 51km, dari bandar utara-barat laut Sg Buloh hingga ke bandar tenggara Kajang. Apabila siap, ia akan terdiri daripada 31 stesen dan memberi perkhidmatan kepada 1.2 juta orang di sepanjang laluan. Ia juga akan memiliki integrasi strategik dengan rangkaian pengangkutan rel sedia ada KL, iaitu LRT, Monorel dan KTM Komuter, serta laluan bas intra dan antara bandar. Hasilnya akan memberikan keterkaitan yang lebih baik untuk KL dan bandar-bandar sekitarnya, di samping mengurangkan jumlah bilangan kereta yang memasuki ibu kota.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Edelman

Yoong Loong Hin (loonghin.yoong@edelman.com)/

Maureen Jeyasooriar (maureen.jeyasooriar@edelman.com)

Tel. Mobil: 016 564 5670/ 016 206 4427